

18/01/2003

Berlapang dada harungi perubahan

PERUBAHAN itu ada kalanya menyakitkan, apatah lagi jika ia turut merentap sesuatu yang sudah menjadi keselesaan. Namun, apabila perubahan tidak berlaku dengan sendiri, maka ia harus dipaksakan biarpun ia menyakitkan segelintir untuk memberi keselesaan kepada yang ramai. Rombakan dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan seperti diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin boleh diselami sebagai bersifat demikian. Sebagaimana dijelaskan Presiden Umno, rombakan itu bagi mewujudkan gandingan kepemimpinan antara muka baru dan lama agar Umno Kelantan terus mantap serta mendapat sokongan padu rakyat.

Andainya diperhalusi, ia menyerlahkan Umno sebagai telus dan berani. Lazimnya bukan semua perubahan akan disenangi manakala mengekalkan status quo juga tidak semestinya disukai. Berdepan pilihan di antara mengekalkan individu tertentu dan mengutamakan rakyat yang diwakili, Umno tidak pun ragu-ragu untuk mengambil risiko berkenaan agar dilihat rakyat Kelantan sebagai mencerminkan keikhlasan dalam tindakan. Janji perubahan dikotakan tanpa berlengah dan sebagaimana masa lalu, rombakan akan terus dilakukan apabila keadaan memerlukan. Kesungguhan Umno untuk kembali memerintah Kelantan tidak harus lagi diragui.

Reaksi setakat ini nampaknya positif. Pemimpin Umno Kelantan yang digugurkan juga menerima perubahan berkenaan dengan berlapang dada, diiringi kesedaran bahawa rakyat yang mahukan kepemimpinan Umno negeri bersatu. Apatah lagi ramai yang mengakui Pas sebenarnya tidak sekuat mana dan kemenangannya selama tiga penggal ini banyak dibantu masalah dalaman Umno Kelantan sendiri. Lantaran itu adalah penting juga bagi penyokong mana-mana pemimpin Umno negeri yang terpaksa memberi laluan, turut akur kepada tuntutan perubahan dan bukan tambah mengusutkan keadaan. Keutamaan parti harus mengatasi kepentingan individu.

Seharusnya juga angin perubahan dalam Umno Kelantan turut menjadi isyarat kepada pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan. Selain sumbangan masing-masing menjadi ukuran, mereka sendiri harus menilai sama ada diterima atau ditolak rakyat. Masalah akan hanya bercambah apabila ada yang berasakan diri popular sedangkan masyarakat setempat berpendapat sebaliknya. Jika ikrar perjuangan yang dibuat adalah untuk parti dan bangsa, maka mereka harus bersedia berundur apabila isyarat untuk berbuat demikian kian jelas dan nyaring. Mereka yang harus mendahului perubahan, bukan menantinya untuk berlaku.